

JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.06.01/10.12/22Jld. 2 (57)

30 Jun 2021

PEKELILING PELAJAR BIL. 12/2021

PROSEDUR PERGERAKAN PELAJAR KELUAR/MASUK KAMPUS UTM, JOHOR BAHRU DAN UTM, KUALA LUMPUR BERIKUTAN PELANJUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PENUH (PKP 3.0)

Sukacita dimaklumkan berikutan dari pemakluman terkini dari pihak Kerajaan, pihak Universiti telah bersetuju untuk menambah baik prosedur pergerakan pelajar keluar/masuk kampus yang sebelum ini dimaklumkan melalui **Pekeliling Pelajar Bil. 11/2021 bertarikh 14 Jun 2021, "Arahan Terkini Berkaitan Pergerakan Pelajar Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Penuh 3.0 (Pelanjutan dari 15 hingga 28 Jun 2021).**

2.0 Sehubungan dengan itu, pihak Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Induk *Emergency Response Team* (ERT) yang bermesyuarat pada 29 Jun 2021 serta Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pergerakan Pelajar yang bermesyuarat pada 28 Jun 2021 telah bersetuju untuk melaksanakan pindaan dan penambahbaikan terhadap *Standard Operating Procedure* (SOP) pergerakan pelajar di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang akan **berkuat kuasa mulai 01 Julai 2021 sehingga pada satu tarikh yang akan dimaklumkan.** Butiran pindaan adalah seperti di **LAMPIRAN 1.**

3.0 Pihak Universiti juga ingin merakamkan terima kasih kepada semua pelajar yang telah mematuhi SOP yang telah ditetapkan seterusnya ingin menasihatkan semua pelajar untuk bertenang dan terus kekal berada di dalam kampus atau di lokaliti masing-masing. Seterusnya meneruskan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian sehingga ke tarikh yang akan dimaklumkan oleh pihak Kerajaan dan Universiti. Sila ambil maklum, sebarang pelanggaran arahan ini boleh dikenakan tindakan disiplin oleh pihak Universiti.


Arahan ini adalah tertakluk kepada perubahan dan arahan dari pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari semasa ke semasa.

Sekian.

“Prihatin Rakyat: Darurat Memerangi COVID-19”

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. DR. SHAMSUL BIN SAHIBUDDIN)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Universiti Teknologi Malaysia

b.p. Naib Canselor

✉: shamsul@utm.my

s.k. : Naib Canselor

: Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

: Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

: Pendaftar

: Pengarah, Bahagian Keselamatan

**PENAMBAHBAIKAN STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) SELEPAS TARIKH
28 JUN 2021, PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP 3.0) DI UTM**

BAGI PELAJAR-PELAJAR MENGINAP DALAM KAMPUS

	PERKARA	KEBENARAN
1.	Masa tempahan <i>Food delivery</i>	Dari jam 8 pagi hingga jam 10 malam Tarikh kuatkuasa 29 Jun 2021
2.	Kebenaran keluar kampus terhad kepada dua (2) jam sahaja bagi pelajar yang berkeperluan khas. Setiap pelajar diberi kelayakan seminggu sekali sahaja.	Dibenarkan maksimum dua (2) orang bagi setiap kenderaan. Masa antara jam 9 pagi hingga 7 malam. Prosedur kelulusan seperti sedia ada. Tarikh kuatkuasa 29 Jun 2021
3.	Kebenaran keluar kampus bagi temu janji Vaksin Covid-19 di sekitar Johor Bahru bagi pelajar UTM Kampus Johor Bahru, dan di sekitar Lembah Klang bagi pelajar UTM Kampus Kuala Lumpur.	Hanya dibenarkan dengan menggunakan kenderaan Universiti. Prosedur kelulusan seperti sedia ada.
4.	Kebenaran melaksanakan penyelidikan kepada pelajar pasca siswazah (PG) semester akhir yang menginap dalam kampus.	Prosedur kelulusan adalah memadai diperaku dan diluluskan di peringkat fakulti. Jawatankuasa Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHE) perlu memastikan pematuhan SOP di dalam makmal.
5.	Kebenaran melaksanakan penyelidikan kepada pelajar sarjana muda (UG) semester akhir.	Prosedur kelulusan adalah memadai diperaku dan diluluskan di peringkat fakulti. Jawatankuasa Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHE) perlu memastikan pematuhan SOP di dalam makmal. Tarikh kuat kuasa 01 Julai 2021
6.	Kategori Baharu untuk diberi pertimbangan untuk kembali ke kediaman masing-masing/keluarga.	(i) Pelajar yang telah tamat pengajian (ii) Pelajar yang hampir tamat (contoh di peringkat akhir pembedahan tesis) dan tidak perlu lagi berada di dalam kampus. (iii) Pelajar yang menjalani Latihan Mengajar/Latihan Industri di luar kampus. (iv) Pelajar yang telah mendapat surat tawaran kerja di luar kampus dan perlu melapor diri. Prosedur kelulusan. Pelajar perlu membuat permohonan melalui Pengetua Kolej masing-masing dan dimajukan kepada pihak Jabatan TNCHEP. Tarikh kuat kuasa 01 Julai 2021

BAGI PELAJAR-PELAJAR MENGINAP DI LUAR KAMPUS

	PERKARA	KEBENARAN
1.	<p>Kebenaran melaksanakan penyelidikan kepada pelajar pasca siswazah (PG) yang berada di lokaliti dalam radius kurang 10 km dari kampus.</p> <p>Khusus kepada pelajar (PG) yang berada di semester akhir iaitu pada semester 15/6 (PhD) dan 7/8 (Sarjana).</p>	<p>(i) Had masa di makmal hanya empat (4) jam sahaja</p> <p>(ii) Pelajar dikehendaki memuat naik <i>HDF Form</i> di borang permohonan</p> <p>(iii) Pelajar dikehendaki menunjukkan rekod MySejahtera.</p> <p>(iv) Pelajar dikehendaki mematuhi SOP Makmal Universiti.</p> <p>Prosedur permohonan melalui borang permohonan khas dan diperakukan oleh pihak Fakulti/Sekolah.</p> <p>Kelulusan di peringkat Jabatan TNCHEP.</p> <p>Tarikh kuat kuasa 01 Julai 2021.</p>
2.	<p>Kebenaran kepada pelajar luar kampus untuk menjalani peperiksaan di dalam kampus.</p>	<p>(i) Pelajar hanya akan diberi kebenaran keluar masuk harian.</p> <p>(ii) Kebenaran hanya kepada pelajar dalam radius 10km dari kampus dan mengalami masalah internet.</p> <p>(iii) Surat kebenaran akan dikeluarkan oleh JTNCHEP.</p> <p>(iv) Pelajar UTM JB akan menjalani peperiksaan di Makmal Komputer SPS.</p> <p>(v) Pelajar UTM KL akan menjalani peperiksaan di Makmal Komputer UTMDigital.</p> <p>Tarikh kuat kuasa 01 Julai 2021.</p>
3.	<p>Pelajar UTM yang menjalani Latihan Industri (LI) di dalam UTM.</p>	<p>Diminta terus melaksanakan dasar Bekerja dari Rumah (BDR).</p> <p>Pelajar perlu memohon untuk menjalani isolasi selama sepuluh (10) hari jika diperlukan untuk menginap di dalam kampus.</p>
4.	<p>Pelajar dari IPT/UA lain yang menjalani Latihan Industri (LI) di dalam kampus UTM.</p>	<p>Diminta terus melaksanakan dasar Bekerja dari Rumah (BDR).</p> <p>Pelajar perlu memohon untuk menjalani isolasi selama sepuluh (10) hari jika diperlukan untuk menginap di dalam kampus.</p>
5.	<p>Pelajar yang menghadapi pelbagai masalah/kesukaran lain.</p>	<p>Kemasukan ke kampus (secara harian (tempoh masa terhad) atau untuk tujuan menginap adalah dipertimbangkan berdasarkan kes demi kes (case by case basis).</p> <p>Keputusan adalah dibawa dan dipertimbangkan melalui Jawatankuasa Penyelarasan Pergerakan Pelajar, Jabatan TNCHEP atau melalui Jawatankuasa Induk <i>Emergency Response Team</i> (ERT).</p>